

## Jiwa Merdeka bukan sekadar bebas penjajahan

**Tanjong Malim, 19 Ogos** - Jiwa merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan, sebaliknya perlu diterjemahkan menerusi kebebasan untuk melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada kecemerlangan universiti, kata Ahli Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Azmi Mohamed. Beliau berkata penghayatan terhadap kemerdekaan perlu dizahirkan melalui tindakan dan sumbangan warga universiti, selaras dengan aspirasi Jiwa Bitara 3.0 yang diterapkan oleh Naib Canselor UPSI.

“Untuk itu, saya mengharapkan daripada aktiviti ataupun perarakan yang kita jalankan pada hari ini, kita memiliki jiwa yang merdeka. Maksudnya kita bukan sahaja bebas daripada penjajah pada 1957, tetapi kita sebenarnya bebas untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan universiti,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Naib Canselor pada Perhimpunan Bulanan Edisi Ogos 2026 yang turut menyaksikan pelaksanaan Perarakan Syukur Merdeka di Kampus Sultan Azlan Shah UPSI, hari ini.

Menurut Prof. Azmi, perarakan itu bukan sekadar aktiviti bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW dan menyambut kemerdekaan negara, sebaliknya menjadi wadah untuk warga UPSI menghayati kedua-dua peristiwa penting berkenaan. Beliau berkata pelaksanaan program berteraskan aspirasi Jiwa Bitara 3.0 perlu dilakukan dengan penuh penghayatan dan tidak sekadar bagi memenuhi syarat pengajuran sesuatu majlis. “Bila kita sambut kemerdekaan ataupun kita sambut Maulidur Rasul, kita tidak hanya buat aktiviti itu sekadar untuk melengkapkan majlis sahaja. Tetapi sebenarnya apa yang lebih penting adalah kita menghayati peristiwa Maulidur Rasul ini.

Perarakan yang berlangsung sempena Perhimpunan Bulanan Edisi Ogos 2026 itu melibatkan 22 kontinjen dengan penyertaan kira-kira 1,050 orang, termasuk penyertaan SMK Tanjong Malim, Sekolah Seri Budiman dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Kebangsaan (NCDRC) UPSI. Setiap kontinjen tampil dengan persiapan dan tema masing-masing, selain menyertai tiga kategori pertandingan iaitu Sepanduk Terbaik, Busana Terbaik dan Perarakan Terbaik, dengan perhatian turut diberikan kepada anugerah juara keseluruhan.

Dalam pertandingan itu, Fakulti Sains dan Matematik (FSM) muncul juara keseluruhan dan menerima hadiah RM3,000, selain turut memenangi kategori Busana Terbaik dengan hadiah RM1,500 serta menduduki tempat kelima kategori Perarakan Terbaik yang membawa pulang RM300. Sementara itu, Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) pula memenangi kategori Sepanduk Terbaik, manakala Fakulti Muzik dan Seni Persembahan muncul juara kategori Perarakan Terbaik dan masing-masing menerima RM1,500.

Dalam pada itu, Perhimpunan Bulanan Edisi Ogos 2026 turut diserikan dengan Ceramah Maulidur Rasul oleh Ustaz Ahmad Elyas Ismail bertajuk ‘Syukur Merdeka: Merdeka Disemai Sunnah Dihayati’



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Atlet UPSI, Danish kini muncul Raja Pecut SUKMA 2026

**Kuala Lumpur, 18 Ogos** - Atlet olahraga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Danish Iftikhar Muhammad Roslee mencipta kejayaan membanggakan apabila merangkul tiga pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026, sekali gus mengukuhkan statusnya sebagai Raja Pecut SUKMA.

Danish, 19, yang mewakili kontinjen Johor mempertahankan kejuaraan acara 100 meter (m) lelaki dengan catatan 10.27 saat (s) pada aksi final di Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM), iaitu mengulangi pencapaiannya pada SUKMA Sarawak 2024.

Danish kemudian membantu kuartet Johor yang dibarisi Mohamad Haziq Ilmani Osman, Muhamad Airiel Iskandar Rusli dan Adam Harith Hairulaydel memenangi emas acara 4x100m lelaki dengan catatan 39.46s, sekali gus mencipta rekod baharu SUKMA.

Catatan itu memadam rekod lama 39.89s yang dicipta kuartet Melaka pada SUKMA Sarawak 2016. Danish

kemudian melengkapkan koleksi tiga emasnya selepas menjuarai acara 200m lelaki dengan catatan 20.85s iaitu rekod baharu SUKMA 2026, sekali gus menguasai dua acara pecut individu utama pada temasya berkenaan. Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, kejayaan Danish membuktikan pendidikan tinggi dan pembangunan sukan berprestasi tinggi mampu bergerak seiring dalam melahirkan atlet mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam arena sukan, malah mampu mengharumkan nama universiti dan negara.

“UPSI amat berbangga dengan pencapaian Danish yang berjaya membuktikan keupayaannya di pentas SUKMA dan antarabangsa.

Sebelum beraksi di SUKMA 2026, Danish terlebih dahulu mencipta sejarah apabila mara ke final acara 100m pada Kejohanan Olahraga Remaja Dunia Bawah 20 Tahun (B-20) 2026 di Oregon, Amerika Syarikat (AS) dan menamatkan saingan sebagai pelari kelapan terbaik dunia.

## UPSI tuan rumah Temasya Sukan Tabung Haji 2026

**Tanjong Malim, 22 Ogos** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjadi tuan rumah Temasya Sukan Tabung Haji (TH) 2026 yang menghimpunkan 892 peserta daripada warga Kumpulan TH dalam 13 acara sukan di sini, semalam.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pihak universiti berbesar hatimenerima kepercayaan TH untuk menganjurkan temasya berkenaan, selain menyediakan kemudahan dan fasiliti yang diperlukan bagi memastikan kelancaran program. Beliau berkata penganjuran temasya itu turut mencerminkan hubungan kerjasama yang baik antara UPSI dan TH, khususnya dalam menyokong pelaksanaan program yang menggalakkan gaya

hidup sihat, kecergasan fizikal serta pengukuhan hubungan dalam kalangan warga organisasi.

“UPSI amat berbesar hati menjadi tuan rumah kepada Temasya Sukan TH 2026 dan kami komited untuk memastikan kemudahan serta fasiliti yang disediakan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua peserta sepanjang temasya ini,” ujar beliau. Temasya berkenaan dirasmikan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Mustakim Mohamad di Panggung Percubaan UPSI, dengan turut dihadiri Md Amin serta Presiden Kelab Sukan TH merangkap Pengarah Program Temasya Sukan TH 2026, Mustafa Kamal Abdul Latif.



## Impian Lovely Sabana ke UPSI tercapai, dua lagi bakal pelajar turut dibantu

**Tanjong Malim, 16 Ogos** - Impian pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Lovely Sabana Augustine melanjutkan pengajian ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini tercapai, selepas menerima bantuan menerusi Program Ziarah Prihatin UPSI dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), hari ini.

UPSI dalam kenyataan memaklumkan Lovely Sabana yang merupakan bakal pelajar Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, sebelum ini berdepan kekangan kewangan bagi menjelaskan bayaran pendaftaran serta menyediakan keperluan untuk memulakan pengajian sesi akademik 2026/2027.

Kisah kesempitan hidup pelajar berkenaan yang bakal mendaftar di UPSI pada 13 September depan, tular di media sosial selepas beliau memerlukan sejumlah wang bagi menampung bayaran pendaftaran dan keperluan pengajian. UPSI memaklumkan keprihatinan terhadap nasib Lovely Sabana diteruskan menerusi kunjungan Ziarah Prihatin UPSI bersama KPT di sekitar Tumpat dan Pasir Mas, Kelantan, yang turut menyantuni dua lagi bakal mahasiswa yang memerlukan bantuan. Menerusi program itu, Lovely Sabana bersama-sama Siti Nurdianis Nordin, bakal pelajar

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, serta Muhamad Ilias Danish, bakal pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi, masing-masing menerima sumbangan RM1,500 bagi membantu persediaan awal sebelum mendaftar di UPSI. Daripada jumlah itu, RM500 disumbangkan Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat & Sedekah (WEZAS) UPSI, manakala RM1,000 lagi disalurkan Yayasan Perkasa Siswa (YPS).

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) KPT Hirman Awang berkata bantuan itu, mencerminkan komitmen kementerian dalam memastikan kekangan kewangan tidak menjadi penghalang kepada pelajar berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. “YPS sentiasa bersedia menjadi ‘tentera barisan hadapan’ dalam menjaga kebajikan mahasiswa dan sumbangan RM1,000 kepada setiap pelajar ini diharap dapat menyuntik semangat, selain membantu menyelesaikan sebahagian keperluan asas serta yuran pendaftaran mereka sebelum mendaftar di kampus,” katanya menerusi kenyataan itu. Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI Prof Dr Norkhalid Salimin berkata pihak universiti, sentiasa peka

terhadap kesusahan yang dihadapi bakal mahasiswa, khususnya mereka daripada keluarga yang berdepan kekangan kewangan.

“Pihak UPSI melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan WEZAS sentiasa proaktif mengesan pelajar yang memerlukan bantuan awal. “Inisiatif turun padang ini bukan sekadar memberi bantuan kewangan, malah memastikan mereka tahu bahawa UPSI sentiasa ada untuk menyokong perjalanan akademik mereka dari hari pertama lagi,” katanya.

Lovely Sabana, anak bongsu empat beradik, menetap bersama ibunya Mek Kenui di Tumpat, Kelantan yang bekerja sebagai tukang cuci di sebuah sekolah, dengan pendapatan sekitar RM800 sebulan selain menjadi anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), manakala bapanya yang juga bekas anggota tentera meninggal dunia pada 2017.

Siti Nurdianis pula dibesarkan dalam keluarga berpendapatan tidak menentu dengan ibunya bergantung kepada pendapatan harian, manakala Muhamad Ilias kehilangan tempat bergantung selepas kematian bapanya dan kini membantu ibunya menyara keluarga.

